KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **3 Oktober 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
HARI: JUMAAT
TARIKH: 3/10/2025
M/SURAT: 10

# Bot penumpang awam nikmati subsidi RON95

## Tertakluk bot didaftar atas pemilik warganegara atau syarikat berdaftar

Oleh **NURUL HIDAYAH HAMID**
KUALA LUMPUR



**Armizan melawat reruai pameran selepas pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia (KKBM) 2025 Bersama My Gaya Month (MBDA) di Pavillion Bukit Jalil pada Khamis.**

Bot-bot penumpang awam menggunakan petrol RON95 kini layak mendapatkan subsidi sama ada di bawah inisiatif Budi Madani RON95 (BUDI95) atau Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) tertakluk kepada mekanisme akan dimaklumkan kelak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, keputusan berkaitan perkara terbabit dicapai melalui perbincangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Kementerian Kewangan (MoF).

Beliau berkata, kerajaan pada dasarnya telah bersetuju pengusaha bot-bot penumpang awam akan mendapat manfaat subsidi petrol RON95.

"Secara dasarnya perkara ini adalah tertakluk kepada bot-bot yang didaftarkan atas pemilik warganegara atau syarikat berdaftar.

"Kerajaan pada masa ini sedang bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan negeri berkaitan, termasuklah Lembaga Sungai-sungai Sarawak dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah mengenal pasti pemilik bot berdaftar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian My Gaya Month 2025 (MGM2025) di Pavilion Bukit Jalil di sini pada Khamis.

Pada Ahad, media melaporkan kerajaan terbuka untuk meluaskan inisiatif BUDI95 yang baharu diperkenalkan bagi memberi manfaat kepada pengusaha bot penumpang kecil khususnya di Sabah dan Sarawak.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dilaporkan berkata, pada dasarnya kerajaan tidak melihat sebarang halangan untuk memperluaskan skim itu kepada mereka yang terbabit dalam operasi bot penumpang.

Mengulas lanjut Armizan memberitahu, sebagai langkah interim, pengusaha bot-bot penumpang awam akan dibenarkan membuat tuntutan bayaran balik tunai.

Beliau mengingatkan bahawa mereka diwajibkan untuk menyimpan dan mengemukakan resit pembelian rasmi.

"Simpan resit yang sah, kita akan umumkan dalam masa terdekat bagaimana pengusaha-pengusaha bot penumpang awam boleh membuat tuntutan supaya mereka boleh mendapat bayaran balik tunai.

"Mereka akan dibayar balik margin perbezaan di antara harga subsidi dan juga harga pasaran itu," menurutnya.

Dalam perkembangan sama, beliau memberitahu, KPDN telah mengaktifkan Jawatankuasa Rayuan SKDS dengan perluasan skop meliputi pelaksanaan SKPS.

Manfaat Rakyat
BUDI MADANI RON95

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 3/10/2025
M/SURAT: 6

# Pengusaha bot penumpang awam layak terima subsidi petrol RON95

## Keputusan Jemaah Menteri tertakluk kepada mekanisme akan dimaklum kelak



Armizan melawat reruai fesyen selepas Majlis Pelancaran KBBM 2025 bersama MBDA sempena My Gaya Month, di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Nabila Adlina Azahari/BH)

**Kuala Lumpur:** Kerajaan secara dasar bersetuju supaya kelayakan menikmati subsidi petrol RON95 diperluas kepada pengusaha bot penumpang awam yang menggunakan bahan bakar itu, sama ada di bawah inisiatif BUDI MADANI RON95 (BUDI95) atau Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS), tertakluk kepada mekanisme yang akan dimaklumkan kelak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata keputusan itu dibuat selepas mesyuarat Jemaah Menteri kelmarin susulan perbincangan bersama Kementerian Kewangan (MOF) dan beberapa agensi berkaitan.

Beliau berkata, kerajaan prihatin dengan keperluan penduduk yang bergantung kepada bot sebagai pengangkutan utama, khususnya di kawasan pulau dan sungai di Sabah dan Sarawak, selain sebahagian kawasan di Semenanjung.

"Secara dasarnya, perkara ini adalah tertakluk kepada bot yang didaftarkan atas pemilik warganegara atau syarikat berdaftar.

"Kerajaan pada masa ini sedang bekerjasama dengan agensi kerajaan negeri berkaitan, termasuk Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah untuk mengenal pasti pemilik bot berdaftar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) 2025 bersama Persatuan Pereka Bumiputera Malaysia (MBDA) sempena My Gaya Month, di sini, semalam.

### Tuntutan bayaran tunai

Armizan berkata, sebagai langkah interim sementara menunggu mekanisme subsidi itu dimuktamadkan, pengusaha bot penumpang awam pada masa ini dibenarkan membuat tuntutan bayaran balik tunai bagi pembelian petrol dengan mengemukakan resit rasmi.

Selain itu, katanya, Jawatankuasa Rayuan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) turut diaktifkan semula dengan peluasan skop meliputi SKPS bagi meneliti isu berbangkit termasuk tuntutan pengusaha bot.

"Jawatankuasa inilah yang akan menimbang kes yang belum 'cover' (diliputi) serta menilai kelayakan permohonan. Melalui platform ini, pengusaha boleh mengemukakan rayuan dan kerajaan akan merumus mekanisme terbaik," katanya.

Kelmarin, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, dilaporkan berkata kerajaan terbuka untuk meluaskan BUDI95 kepada pengusaha bot penumpang kecil, khususnya di Sabah dan Sarawak kerana perkhidmatan itu turut penting kepada komuniti setempat terutama di kawasan luar bandar dan pulau.

Sementara itu, MOF dalam kenyataannya, berkata kerajaan bersetuju memberikan pemandu e-hailing sepenuh masa had kelayakan tambahan subsidi BUDI MADANI RON95 (BUDI95) bermula 15 Oktober ini.

MOF berkata, pemandu e-hailing tidak perlu membuat permohonan secara individu, sebaliknya kerajaan akan berurusan terus dengan syarikat pengendali e-hailing (EHO) bagi permohonan secara berkelompok.

Bagi pengangkutan air, kerajaan turut melanjutkan kelayakan BUDI95 kepada warganegara yang memiliki bot berdaftar tanpa memerlukan lesen memandu yang sah.

"Kerajaan Persekutuan sedang bekerjasama dengan agensi kerajaan negeri berkaitan seperti Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah bagi mengenal pasti pemilik bot berdaftar," menurut kenyataan itu.

MOF turut memaklumkan had kelayakan subsidi RON95 sebanyak 300 liter sebulan bagi setiap warganegara yang layak diperbaharui mulai kelmarin dan manfaat itu akan disalurkan pada setiap 1 hari bulan.

BUDI95 dilaksanakan secara berperingkat sejak 27 September lalu, bermula dengan 300,000 anggota Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebelum diperluas kepada lebih lima juta penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dalam kategori B40 pada Ahad lalu.

Secara keseluruhan, seramai 16 juta rakyat Malaysia berusia 16 tahun ke atas yang memiliki MyKad dan lesen memandu aktif layak menikmati subsidi petrol RON95 pada harga RM1.99 seliter, dengan had kelayakan sehingga 300 liter sebulan.

BERNAMA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: JUMAAT
TARIKH: 3/10/2025
M/SURAT: 2

# Pengusaha bot penumpang awam turut layak terima subsidi Petro RON95 – Armizan



KUALA LUMPUR: Kerajaan secara dasar bersetuju supaya kelayakan menikmati subsidi petrol RON95 diperluas kepada pengusaha bot penumpang awam yang menggunakan bahan bakar itu sama ada di bawah inisiatif Budi Madani RON95 (Budi95) atau Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS), tertakluk kepada mekanisme yang akan dimaklumkan kelak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali (**gambar**) berkata keputusan itu dibuat selepas mesyuarat Jemaah Menteri pada Rabu lepas, susulan perbincangan bersama Kementerian Kewangan (MOF) dan beberapa agensi berkaitan.

Beliau berkata kerajaan prihatin dengan keperluan penduduk yang bergantung kepada bot sebagai pengangkutan utama khususnya di kawasan pulau dan sungai di Sabah dan Sarawak selain sebahagian kawasan di Semenanjung Malaysia.

"Secara dasarnya, perkara ini adalah tertakluk kepada bot-bot yang didaftarkan atas pemilik warganegara atau syarikat yang berdaftar.

"Kerajaan pada masa ini sedang bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan negeri yang berkaitan, termasuklah Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah untuk mengenal pasti pemilik bot berdaftar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) 2025 bersama Persatuan Pereka Bumiputera Malaysia (MBDA) sempena 'My Gaya Month'.

Armizan berkata sebagai langkah interim sementara menunggu mekanisme subsidi itu dimuktamadkan, pengusaha bot penumpang awam pada masa ini dibenarkan membuat tuntutan bayaran balik tunai bagi pembelian petrol dengan mengemukakan resit rasmi.

Selain itu, Jawatankuasa Rayuan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) turut diaktifkan semula dengan peluasan skop meliputi SKPS bagi meneliti isu berbangkit termasuk tuntutan pengusaha bot.

"Jawatankuasa inilah yang akan menimbang kes-kes yang belum 'cover' (diliputi) serta menilai kelayakan permohonan. Melalui platform ini, pengusaha boleh mengemukakan rayuan, dan kerajaan akan merumus mekanisme terbaik," katanya. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT
TARIKH: 3/10/2025
M/SURAT: 8

# Bot penumpang awam layak nikmati subsidi RON95

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan bersetuju memberikan subsidi kepada bot-bot penumpang awam yang mengunakan petrol RON95 sama ada di bawah inisiatif Budi Madani RON95 (Budi95) atau Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) tertakluk kepada mekanisme yang akan dimaklumkan kelak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, perkara itu dipersetujui melalui perbincangan kementeriannya bersama Kementerian Kewangan baru-baru ini.

Beliau berkata, kerajaan amat prihatin dengan penduduk yang menggunakan bot sebagai mod pengangkutan utama khususnya di kawasan pulau dan sungai di Sabah dan Sarawak dan sebahagian kawasan di Semenanjung.

"Secara dasarnya, perkara ini tertakluk kepada bot-bot didaftarkan atas pemilik warganegara atau syarikat berdaftar.

"Kerajaan pada masa ini sedang bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan negeri yang berkaitan, termasuk Lembaga Sungai-sungai Sarawak serta Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah mengenal pasti pemilik bot berdaftar," katanya selepas merasmikan My Gaya Month (2025) di sini semalam.

Armizan berkata, buat masa ini kerajaan pada dasarnya telah bersetuju bahawa para pengusaha bot-bot penumpang awam akan mendapat manfaat Subsidi Petrol RON95.

"Sebagai langkah interim, pengusaha bot-bot penumpang awam akan dibenarkan membuat tuntutan bayaran balik tunai. Justeru, pengusaha wajib menyimpan dan mengemukakan resit pembelian rasmi.

"KPDN mengaktifkan Jawatankuasa Rayuan Sistem Kawasan Diesel Bersubsidi dengan perluasan skop meliputi pelaksanaan SKPS untuk melihat isu-isu berbangkit seumpama ini sebagaimana dalam pelaksanaan penyasaran subsidi diesel dahulu," katanya.

Sebelum ini, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, kerajaan terbuka untuk meluaskan inisiatif Budi95 yang baru diperkenalkan bagi memberi manfaat kepada pengusaha bot penumpang kecil khususnya di Sabah dan Sarawak.

Katanya, pada dasarnya kerajaan tidak melihat sebarang halangan untuk memperluaskan skim itu kepada mereka yang terlibat dalam operasi bot penumpang awam.

Utusan Borneo online

HARI: JUMAAT
TARIKH: 3/10/2025
M/SURAT: 10

# Pengusaha bot penumpang awam turut layak terima BUDI95: Armizan

## Kerajaan prihatin dengan keperluan penduduk yang bergantung kepada bot

**KUALA LUMPUR: Kerajaan secara dasar bersetuju supaya kelayakan menikmati subsidi petrol RON95 diperluas kepada pengusaha bot penumpang awam yang menggunakan bahan bakar itu sama ada di bawah inisiatif BUDI MADANIRON95 (BUDI95) atau Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS), tertakluk kepada mekanisme yang akan dimaklumkan kelak.**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, keputusan itu dibuat selepas mesyuarat Jemaah Menteri kelmarin, susulan perbincangan bersama Kementerian Kewangan (MOF) dan beberapa agensi berkaitan.

> “Kerajaan pada masa ini sedang bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan negeri yang berkaitan, termasuklah Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah untuk mengenal pasti pemilik bot berdaftar.”
>
> **Datuk Armizan Mohd Ali**
> *Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup*

Beliau berkata, kerajaan prihatin dengan keperluan penduduk yang bergantung kepada bot sebagai pengangkutan utama, khususnya di kawasan pulau dan sungai di Sabah dan Sarawak, selain sebahagian kawasan di Semenanjung Malaysia.

“Secara dasarnya, perkara ini adalah tertakluk kepada bot-bot yang didaftarkan atas pemilik warganegara atau syarikat yang berdaftar.

“Kerajaan pada masa ini sedang bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan negeri yang berkaitan, termasuklah Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah untuk mengenal pasti pemilik bot berdaftar,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) 2025 bersama Persatuan Pereka Bumiputera Malaysia (MBDA) sempena ‘My Gaya Month”.

Armizan berkata, sebagai langkah interim sementara menunggu mekanisme subsidi itu dimuktamadkan, pengusaha bot penumpang awam pada masa ini dibenarkan membuat tuntutan bayaran balik tunai bagi pembelian petrol dengan mengemukakan resit rasmi.

Selain itu, Jawatankuasa Rayuan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) turut diaktifkan semula dengan peluasan skop meliputi SKPS bagi meneliti isu berbangkit termasuk tuntutan pengusaha bot.

“Jawatankuasa inilah yang akan menimbang kes-kes yang belum ‘cover’ (diliputi) serta menilai kelayakan permohonan. Melalui platform ini, pengusaha boleh mengemukakan rayuan, dan kerajaan akan merumus mekanisme terbaik,” katanya.

Kelmarin, Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata kerajaan terbuka untuk meluaskan BUDI95 kepada pengusaha bot penumpang kecil, khususnya di Sabah dan Sarawak, kerana perkhidmatan itu turut penting kepada komuniti setempat terutama di kawasan luar bandar dan pulau. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 3/10/2025
M/SURAT: 6

# Pindaan AJLSAP 1993 lindungi pengguna, wakil jualan langsung

**Putrajaya:** Pindaan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 (AJLSAP 1993) bertujuan memberi perlindungan lebih baik kepada pengguna serta wakil jualan sah agar tidak terperangkap dengan syarikat bermasalah.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr Fuziah Salleh, berkata persiapan untuk meminda sedang dilakukan dan langkah itu penting bagi memastikan undang-undang Malaysia setanding negara lain agar industri itu lebih berdaya saing, seiring perkembangan pesat dan peredaran zaman.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) komited untuk terus membimbing dan memastikan integriti industri jualan langsung di Malaysia melalui pematuhan undang-undang dan pencegahan aktiviti tidak sah," katanya dalam kenyataan semalam.

Fuziah berkata, pemain industri juga perlu bekerja lebih keras untuk mengatasi persepsi masyarakat yang masih keliru antara jualan langsung sah dengan skim piramid kerana stigma itu melemahkan keyakinan pengguna dan menjejaskan reputasi syarikat jualan langsung yang sah


*Fuziah Salleh*

Selain itu, Fuziah berkata KPDN menawarkan beberapa solusi antaranya bantuan dalam advokasi pengguna bagi memberi kesedaran dan pendidikan untuk mengutamakan produk tempatan termasuk produk jualan langsung berlesen dan pada masa sama mengelakkan skim piramid atau produk tiruan.

"Ini bagi meningkatkan imej industri supaya dilihat sebagai antara penyumbang kepada ekonomi dan peluang keusahawanan rakyat," katanya.

Fuziah berkata KPDN juga menggalakkan pengusaha jualan langsung bekerjasama dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dengan mendaftar perniagaan, produk atau penemuan saintifik yang memerlukan perlindungan paten.

Ini kerana cap dagang berdaftar menjadi aset syarikat, selain boleh dilesenkan atau dijadikan pegangan pelaburan dan dilihat lebih sah, dipercayai, tidak mudah dipalsukan serta membantu syarikat mengambil tindakan terhadap pihak yang meniru atau menjual produk tiruan.

Fuziah berkata, antara agenda utama KPDN untuk menyokong produk tempatan ialah Kempen Beli Barangan Malaysia yang membantu mengangkat produk dan menyokong usahawan tempatan serta membuka jalan ke pasaran global.

Tahun lalu, industri jualan langsung mencatatkan nilai jualan sebanyak RM34.4 bilion, meningkat 7.4 peratus berbanding tahun sebelumnya, meletakkan Malaysia pada kedudukan keenam dunia dan keempat Asia Pasifik dengan kadar penembusan pasaran tertinggi di dunia iaitu 2.28 peratus.

Kenyataan sama memaklumkan Fuziah menerima kunjungan hormat wakil Persatuan Pembangunan Industri Jualan Langsung Malaysia (MDSIDA) yang diketuai presidennya Datuk Seri Barani Karunakaran.

MDSIDA yang dahulunya dikenali sebagai Persatuan Pengedaran Langsung Malaysia (MDDA) merupakan rakan strategik KPDN dalam mempromosikan industri jualan langsung di peringkat nasional dan antarabangsa.

BERNAMA

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: JUMAAT
TARIKH: 3/10/2025
M/SURAT: 9

# Change to Direct Sales Act to boost protection

PUTRAJAYA: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is preparing to amend the Direct Sales and Anti-Pyramid Scheme Act 1993 (AJLSAP 1993) to provide better protection to consumers and legitimate sales representatives so that they are not trapped by problematic companies.

Its Deputy Minister Datuk Dr Fuziah Salleh said the move is important as the global direct selling industry continues to grow rapidly and Malaysia needs to ensure its laws are on par with other countries.

She said KPDN is committed to continuing to guide and ensure the integrity of the direct sales industry in Malaysia through legal compliance and prevention efforts against illegal activities. Fuziah said that although the industry was showing positive developments, industry players needed to work harder to overcome the public's perception that was still confused between legitimate direct selling and pyramid schemes.

"This stigma undermined consumer confidence and this situation affected the reputation of legitimate direct sales companies," she said in a statement on Thursday.

Therefore, Fuziah said KPDN offered several solutions, including assistance in consumer advocacy to provide awareness and education to consumers to prioritise local products, including licensed direct sales products, and at the same time avoid pyramid schemes or counterfeit products.

"This is to improve the image of this industry so that it is seen as one of the contributors to the economy and entrepreneurial opportunities for the people," she said.

Ruziah said KPDN also encouraged direct sales entrepreneurs to cooperate with the Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) by registering businesses, products or scientific discoveries that require patent protection.

"Registered trademarks can become a company's asset, and can even be licensed or used as investment holdings. In addition, products registered with the MyIPO trademark are seen as more legitimate, trustworthy and not easily counterfeited," she said.

She said intellectual property protection can also ensure that companies that sell products based on natural resources such as



tongkat ali, kacip fatimah, sea cucumber, virgin coconut oil operate legally, as well as help companies take action against parties who imitate or sell counterfeit products.

Fuziah said one of KPDN's main agendas to support local products, including those from the direct selling industry, is through the Buy Malaysian Goods Campaign (KBBM).

"KBBM is not just a slogan, but an advocacy and marketing tool that helps promote locally made direct selling products, supports Malaysian entrepreneurs and sales representatives and paves the way to the global market," she said.

Last year, the direct sales industry recorded a sales value of RM34.4 billion, an increase of 7.4 per cent compared to the previous year, placing Malaysia in sixth place in the world and fourth in Asia Pacific, with the highest market penetration rate in the world of 2.28 per cent.

Earlier, Fuziah received a courtesy call from representatives of the Malaysian Direct Selling Industry Development Association (MDSIDA) led by its president Datuk Seri Barani Karunakaran.

MDSIDA, formerly known as the Malaysian Direct Distribution Association (MDDA), is a strategic partner of KPDN in promoting the direct selling industry at the national and international levels. –Bernama

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: JUMAAT
TARIKH: 3/10/2025
M/SURAT: 4

# Direct sales, Anti-Pyramid Act to be amended

PUTRAJAYA: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is preparing to amend the Direct Sales and Anti-Pyramid Scheme Act 1993 (AJLSAP 1993) to provide better protection to consumers and legitimate sales representatives so that they are not trapped by problematic companies.

Its Deputy Minister Datuk Dr Fuziah Salleh said the move is important as the global direct selling industry continues to grow rapidly and Malaysia needs to ensure its laws are on par with other countries.

She said KPDN is committed to continuing to guide and ensure the integrity of the direct sales industry in Malaysia through legal compliance and prevention efforts against illegal activities.

Fuziah said that although the industry was showing positive developments, industry players needed to work harder to overcome the public's perception that was still confused between legitimate direct selling and pyramid schemes.

"This stigma undermined consumer confidence and this situation affected the reputation of legitimate direct sales companies," she said in a statement yesterday.

Therefore, Fuziah said KPDN offered several solutions, including assistance in consumer advocacy to provide awareness and education to consumers to prioritise local products, including licensed direct sales products, and at the same time avoid pyramid schemes or counterfeit products.

"This is to improve the image of this industry so that it is seen as one of the contributors to the economy and entrepreneurial opportunities for the people," she said.

Ruziah said KPDN also encouraged direct sales entrepreneurs to cooperate with the Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) by registering businesses, products or scientific discoveries that require patent protection.

"Registered trademarks can become a company's asset, and can even be licensed or used as investment holdings. In addition, products registered with the MyIPO trademark are seen as more legitimate, trustworthy and not easily counterfeited," she said.

She said intellectual property protection can also ensure that companies that sell products based on natural resources such as tongkat ali, kacip fatimah, sea cucumber, virgin coconut oil operate legally, as well as help companies take action against parties who imitate or sell counterfeit products. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

New SARAWAK TRIBUNE
THE OLDEST ENGLISH DAILY IN SARAWAK

HARI: JUMAAT
TARIKH: 3/10/2025
M/SURAT: 18

# Ops Grip uncovers illegal tyre imports

**SHAH ALAM**: Serious violations involving illegally imported tyres were uncovered in Ops Grip raids at three tyre outlets in Shah Alam yesterday.

The operation was carried out with representatives from eight major tyre manufacturers, alongside enforcement agencies including the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), the Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) and the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

Offences detected included the sale of tyres not brought in through authorised distributors, European-market tyres diverted to Malaysia, tampered labels to conceal the country of origin, and falsified manufacturing dates to pass off old stock as new.

Managing director of Michelin Malaysia, Singapore and Brunei, Florentin Odenwald, said labels had been tampered with to prevent consumers from recognising the tyres' true origin.

"For the Malaysian market, we only import tyres manufactured in Thailand as they are specially formulated for local road and climate conditions," he said.

Kit Loong Tayaria general manager, Richard Quah, said his company also found smuggled Pirelli tyres, noting that genuine imports carry a laser-etched marking which was missing on the seized stock.

Earlier, tyre company representatives met MACC Special Operations Division senior director, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin, at its headquarters to discuss measures to curb tyre smuggling, which poses safety risks to motorists.

Mohamad Zamri said the companies welcomed the operation as it allowed them to verify the authenticity of the seized tyres.On Monday, the MACC uncovered tyre smuggling activities and forged import-export documents, believed to have cost the government an estimated RM350 million in lost tax revenue since 2020.

MACC froze few personal and company bank accounts totaled at RM70million. – BERNAMA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

HARI: JUMAAT
TARIKH: 3/10/2025
M/SURAT: 9

SELUDUP PETROL, DIESEL

# Kereta Malaysia terpakai jadi pilihan dalang

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

**Kota Bharu**

Penyeludup petrol dan diesel sanggup membeli kenderaan terpakai Malaysia semata-mata memudahkan mereka mendalangi kegiatan penyeludupan bahan api berkenaan.

Penggunaan kenderaan Malaysia terutama Proton Waja dan Proton Persona memudahkan mereka melakukan pembelian minyak di stesen sempadan, berbanding menggunakan kenderaan asing.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, tujuan mereka membeli kenderaan Malaysia bagi mengaburi pihak berkuasa.

"Mereka juga mengeksploitasi kelemahan sistem pemantauan dan kekangan kawalan sempadan untuk melakukan pengisian berulang, terutama di kawasan berdekatan ICQS (Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan) dan sempadan negeri.



**"Mereka juga mengeksploitasi kelemahan sistem pemantauan dan kekangan kawalan sempadan untuk melakukan pengisian berulang, terutama di kawasan berdekatan ICQS dan sempadan negeri"**

*Azman*

"Sehubungan itu, KPDN sedang memperketatkan kawalan melalui risikan rentas sempadan, semakan nombor pendaftaran kenderaan serta kolaborasi dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi mengenalpasti dan menyekat taktik penyeludup yang menggunakan kenderaan Malaysia secara haram untuk aktiviti penyelewengan.

"Kerjasama dari agensi berkenaan adalah penting untuk sama-sama mengekang perkara ini," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, selain membeli kenderaan Malaysia, sindiket penyeludupan juga mengupah individu tertentu untuk melakukan pengisian petrol dan diesel secara berulang di stesen minyak.

"Individu yang diupah ini terdiri daripada penduduk tempatan, warga emas dan pelajar selain wanita turut digunakan sebagai *runner* dan *transporter* untuk mengaburi pihak berkuasa.

"Upah yang diterima bagi setiap trip dianggarkan antara RM60 hingga RM200, bergantung kepada kuantiti bahan api yang diisi dan risiko lokasi," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: JUMAAT

TARIKH: 3/10/2025

M/SURAT: 12

PENYELEWENGAN PETROL, MINYAK MASAK

# KPDN Kelantan rekod rampasan RM1.7 juta

**Kota Bharu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan merekodkan nilai rampasan sebanyak RM1.7 juta sepanjang 2024 sehingga Julai lalu membabitkan petrol dan minyak masak yang cuba diseludup ke Thailand.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, dalam tempoh sama, seramai 954 individu turut ditahan atas pelbagai kesalahan berkaitan penyelewengan dan penyeludupan barangan bersubsidi.

Pada masa sama dalam tempoh lima tahun, sebanyak 1,521 kenderaan disita di Kelantan atas kesalahan menyeludup barangan kawalan seperti diesel, petrol dan minyak masak.

Katanya, semua kenderaan itu digunakan sebagai alat dalam kegiatan penyeludupan merentasi sempadan.

"Sepanjang tempoh Januari 2024 hingga Julai tahun ini, KPDN Kelantan berjaya merampas lebih 228,632 liter diesel, 196,937 liter petrol dan 251,090 kilogram (kg) minyak masak.

"Keseluruhan nilai rampasan berkenaan hampir RM1.7 juta dan untuk tempoh sama, 954 individu ditahan atas pelbagai kesalahan menyeludup barangan bersubsidi," katanya ketika dihubungi.

Bekalan minyak masak paket dan petrol bersubsidi di selatan Thailand termasuk di pekan Sungai Golok tidak pernah terputus selain boleh diperoleh dengan jumlah yang banyak tanpa had.

Situasi itu sekali gus menyaksikan penyeludupan membabitkan barangan bersubsidi sentiasa berlaku walaupun kawalan di sempadan sentiasa dipertingkatkan.

Keadaan itu jauh berbeza jika dibandingkan dengan Malaysia khususnya membabitkan minyak masak apabila had pembelian hanya dibenarkan dua paket setiap orang.

Tinjauan di pekan Sungai Golok mendapati minyak masak paket banyak dijual di kedai runcit dan pasar pagi secara terbuka dengan harga setiap paket dijual 40 baht hingga 50 baht bagi sekilogram bersamaan RM5.30 hingga RM6.60 berbanding harga di Malaysia RM2.50.

Begitu juga dengan tinjauan petrol di sini yang boleh dikatakan berlambak 'stesen minyak Malaysia' wujud di bahu jalan di sini sehingga ke Pattani.

Harga petrol yang dijual adalah sekitar RM3.30 hingga RM3.60 bagi satu liter manakala RM31 hingga RM33 bagi 10 liter.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: JUMAAT

TARIKH: 3/10/2025

M/SURAT: 12



RAKAMAN video tular menunjukkan lelaki dipercayai warga Singapura mengisi petrol RON95 di sebuah stesen minyak Plentong.

# Warga asing kantoi isi 'minyak kuning'

## *KPDN siasat stesen minyak di Plentong selepas rakaman viral*

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

Seorang pemandu kereta bernombor pendaftaran Singapura dikesan mengisi petrol subsidi RON95 di sebuah stesen minyak dipercayai di Plentong.

Perbuatan lelaki itu berjaya dirakam sebelum video berkenaan tular di media sosial sejak kelmarin.

Kejadian dipercayai berlaku kira-kira jam 3.55 pagi.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, pihaknya sedang menjalankan siasatan susulan rakaman tular berkenaan.

Beliau berkata, pasukan penguat kuasa KPDN Johor sudah dihantar ke stesen minyak berkenaan yang terletak di Taman Sierra Perdana, Plentong, bagi menjalankan siasatan lanjut.

"Jika terdapat kecuaian di pihak pengusaha stesen minyak, tindakan lanjut akan diambil dan diteruskan dengan membuka kertas siasatan yang kemudiannya akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR)," katanya ketika dihubungi, semalam.

> "Jika terdapat kecuaian di pihak stesen minyak, tindakan lanjut akan diambil"
> Lilis

Video berdurasi 21 saat itu menimbulkan rasa kurang senang orang ramai kerana lelaki berkenaan mengisi RON95 yang khusus kepada rakyat tempatan, apatah lagi inisiatif Budi Madani RON95 (BUDI95) baharu sahaja dilaksanakan.

Dalam video berkenaan, individu yang merakam kejadian itu sudah meminta lelaki berkenaan mengisi RON97 seperti yang dikuatkuasakan kepada kenderaan asing di negara ini.

"Apa I pay, I pay? You warna hijau (RON97) ma," katanya.

Perkongsian itu turut mengundang pelbagai reaksi pengguna media sosial yang mengecam sikap tidak bertanggungjawab itu selain mempersoalkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan larangan pembelian petrol RON95 subsidi oleh kenderaan asing.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 3/10/2025
M/SURAT: 21

# Tular warga Singapura isi RON95 awal pagi

**JOHOR BAHRU** – Tidak sampai seminggu pelaksanaan inisiatif Budi Madani RON95 (BUDI95) diperkenalkan, orang ramai gempar dengan rakaman tular seorang pemandu kenderaan asing mengisi petrol bersubsidi.



LILIS

Rakaman di sebuah stesen minyak di Plentong memaparkan seorang lelaki mengisi petrol RON95 ke kenderaan utiliti sukan (SUV) jenis Honda HR-V bernombor pendaftaran Singapura kira-kira jam 3.55 pagi, Rabu lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, Lilis Saslinda Pornomo mengesahkan siasatan sedang dijalankan susulan rakaman berkenaan tular di media sosial.

Jelasnya, penguat kuasa KPDN negeri sudah diarahkan ke stesen minyak terletak di Taman Sierra Perdana bagi tujuan siasatan lanjut.

"Jika terdapat kecuaian pihak pengusaha stesen minyak, tindakan tegas akan diambil.

"Kertas siasatan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) bagi tindakan seterusnya," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Terdahulu, rakaman berdurasi 20 saat mencetuskan rasa kurang senang warga maya apabila pemandu lelaki dilihat mengisi RON95 yang dikhususkan untuk rakyat tempatan.

Perakam dilihat turut meminta lelaki tersebut mengisi RON97 seperti diwajibkan kepada kenderaan asing.

Perkongsian itu mengundang pelbagai reaksi yang rata-rata mengecam sikap tidak bertanggungjawab tersebut selain mempersoalkan tahap penguatkuasaan undang-undang berkaitan larangan pembelian RON95 oleh warga asing.

Di bawah pelaksanaan BUDI95, warganegara layak perlu mengemukakan MyKad ketika berurus niaga di kaunter stesen minyak bagi mendapatkan harga subsidi RM1.99 seliter sejak 28 September lalu.



**Tangkar layar pemandu kenderaan Singapura mengisi RON95 pada awal pagi sehingga tular di media sosial.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 3/10/2025
M/SURAT: 12

# Jenayah berselindung di sebalik uniform, kuasa



ANALISIS MUKA 12

HAZELEN LIANA KAMARUDIN

Tumpasnya sindiket penyeludupan minyak masak bersubsidi yang diketuai seorang lelaki bergelar 'Datuk John' bersama penahanan dua penjawat awam di Kelantan, membuka sekali lagi persoalan sejauh mana integriti dalam kalangan penjawat awam kita benar-benar kebal daripada godaan ringgit dan kemewahan.

Minyak masak peket bersubsidi yang sepatutnya menjadi hak rakyat marhaen, berakhir di sempadan dengan nilai berlipat kali ganda.

Menurut Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Azman Ismail, lebih mengejutkan modus operandi sindiket itu begitu licik iaitu menggunakan kenderaan mewah seperti Toyota Vellfire untuk mengaburi mata pihak berkuasa, selain dibantu 'orang dalam' di kaunter pemeriksaan.

Persoalannya, sampai bila pengkhianatan seperti ini mahu dibiarkan mencalar wajah perkhidmatan awam negara? Sampai bila isu integriti penjawat awam hanya dipandang sebagai kes terpencil sedangkan ia memberi kesan besar kepada imej keseluruhan sistem pentadbiran?

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk Dr Adnan Mat sendiri sudah mengingatkan, integriti tidak boleh hanya gah pada kertas kerja atau ucapan rasmi tetapi ia perlu dizahirkan melalui tindakan seharian.

Jika kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif termasuk kenaikan gaji, maka pulangan semula perlu hadir dalam bentuk amanah, produktiviti dan penolakan tegas terhadap sebarang bentuk rasuah.

Malangnya, kes terbaharu ini menunjukkan masih wujud kelompok kecil yang memilih jalan singkat untuk hidup mewah walaupun terpaksa menggadaikan sumpah jawatan dipegang.

Lebih membimbangkan jika pengkhianatan ini berterusan, kepercayaan rakyat terhadap perkhidmatan awam akan semakin pudar. Rakyat tidak lagi melihat uniform yang dipakai sebagai simbol keadilan dan amanah, sebaliknya peluang untuk mencari keuntungan sendiri. Inilah risiko sebenar apabila integriti boleh dijual beli.

Kewujudan 'orang dalam' menjadi punca utama sindiket berani bergerak. Selagi ada penjawat awam yang sanggup 'menggadaikan' tanggungjawab demi habuan, selagi itulah kartel penyeludupan akan terus bernyawa.

Hakikatnya, setiap peket minyak masak yang diseludup ialah kecurian hak rakyat. Ia menambah beban kerajaan, menjejaskan keberkesanan dasar subsidi dan akhirnya menindas golongan berpendapatan rendah yang sepatutnya dilindungi.

Subsidi diwujudkan untuk meringankan beban rakyat, bukan dijadikan komoditi keuntungan oleh pihak yang rakus.

Apabila kenderaan mewah digunakan untuk mengangkut barangan subsidi, mesej yang dihantar sangat jelas – keuntungan haram lebih menggiurkan daripada amanah jawatan.

Ia mencerminkan bagaimana kerakusan boleh menutup mata hati sehingga uniform yang sepatutnya dipakai dengan rasa bangga bertukar menjadi alat untuk menyembunyikan penyelewengan.

> *Kewujudan 'orang dalam' ialah punca utama sindiket berani bergerak. Selagi ada penjawat awam yang sanggup 'menggadaikan' tanggungjawab demi habuan, selagi itulah kartel penyeludupan akan terus bernyawa."*

Kes ini harus dilihat sebagai amaran keras. Kecurangan integriti, walau oleh segelintir individu, mampu menjejaskan kredibiliti keseluruhan perkhidmatan awam.

Penjawat awam bukan sekadar bekerja untuk menerima gaji hujung bulan. Mereka ialah benteng pertama melindungi dasar dan polisi negara.

Apabila benteng ini bocor, bukan sahaja maruah jabatan terpalit, bahkan seluruh imej negara boleh runtuh.

Sejarah membuktikan, kejatuhan banyak institusi bermula dengan pengkhianatan kecil yang dipandang remeh. Hari ini minyak masak, esok mungkin bahan lain pula dan akhirnya sistem kawalan subsidi hancur.

